

Sinar Harian : 13 Ogos 2014

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

BERSATU SELAMATKAN BUMI GAZA

Hari Raya kali ini barangkali tidak sama dengan tahun sebelumnya. Dalam kemeriahannya sambutan ini, siapa yang dapat menafikan perasaan sedih dengan kematian anak kecil, wanita mahupun orang awam yang kian kehilangan tanah air di Gaza Palestin. Ribuan rumah musnah, bangunan awam dan masjid roboh, manakala beratus ribu penduduk Palestin menjadi pelarian.

Cukup jelas pihak Zionis Israel tidak mahu penduduk Palestin kembali dan menetap ke Gaza. Israel tidak mahu Palestin menubuhkan kerajaan sendiri dan tidak mahu rakyat Palestin kembali bersatu. Pihak Zionis melakukan strategi dengan secara sistematis dengan penempatan baharu kaum Yahudi di Tebing Barat dan memberi tekanan ketenteraan seta pembunuhan di Gaza. Strategi seperti ini, akan memastikan kedua-dua kawasan tersebut tergugat dan negara Palestin tidak wujud sebagai satu entiti pada masa depan.

Selain itu, ia juga merupakan satu keimbangan Israel melihat penyatuan rakyat Palestin terutamanya diantara Hammas dan Fatah. Walaupun kedua-duanya, ada masanya tidak sehaluan dalam politik dan hala tuju Palestin, tetapi mereka bersatu dalam hal ini untuk terus membangun ummah dan negara Palestin. Ini merupakan satu cabaran kepada dalaman Zionis dan mesti dipatahkan.

Israel kini semakin berani dan agresif. Ia semakin teruk dan masih tiada penyelesaian. Kita perlu teliti, siapa yang membekalkan senjata dan sokongan ketenteraan kepada Israel untuk membunuh rakyat Palestin. Kenapa Amerika Syarikat (AS) yang cukup berkuasa mengawal dunia tidak pernah serius dalam hal ini. Negara dunia lain sudah mengiktiraf kerajaan Palestin. AS dan sekutunya tidak mahu menerima hakikat ini dan biarkan Israel terus musnahkan impian rakyat Palestin .

PBB sepatutnya sudah lama mendesak Israel menghentikan kekejaman mereka dalam apa juga cara tetapi lihatlah apa yang berlaku. Seolah-olah Israel mendapat restu untuk melakukan apa sahaja bagi menghancurkan Palestin. Liga Arab tidak melakukan desakan yang menggerunkan Israel untuk serta merta menghentikan serangan terhadap penduduk awam di Gaza. Malah, jiran terdekat Gaza, Mesir masih membiarkan pintu sempadan di Rafah ditutup.

Pada masa ini sebahagian daripada orang Islam cuma memikirkan diri sendiri dan tidak ambil kisah kesusahan saudara sesama Islam di tempat lain. Mereka tidak peduli. Kalau kita kembali ke zaman sahabat Rasulullah SAW, perkara seperti ini langsung tidak terjadi dan akan ditentang habis-habisan. Selain itu, kita perlu mengingatkan diri akan suatu hadis (riwayat Tarmizi), dimana Rasulullah SAW bersabda: "Hampir tiba masanya kamu dikerumuni oleh manusia seperti mana orang-orang mengerumuni sesuatu hidangan". Berkata seorang sahabat, 'Adakah ia lantaran pada waktu kita yang sedikit?'. Nabi menjawab, "Tidak, sebaliknya kamu ramai tetapi

kamu menjadi seperti buih ketika berlaku banjir, Allah mencabutkan rasa gerun daripada hati musuhmu dan memasukkan perasaan wahan ke dalam hatimu". Sahabat-sahabat bertanya, "Apakah itu wahan?". Nabi bersabda, "cintakan dunia dan takutkan mati".

Sebagai satu ummah, kita mesti bersatu bagi membantu dan melakukan suatu tindakan secara bersepada dan global untuk menggagalkan niat jahat Israel terhadap Gaza . Kita faham bagi kerajaan negara Islam seperti kita, menyalurkan terus bantuan secara terang-terangan memang susah disebabkan banyak faktor termasuk politik. Ramai umat Islam secara individu dan organisasi bukan kerajaan (NGO) daripada negara kita telah membantu rakyat Palestin bagi meringankan beban penduduk Gaza. Jika tidak mampu memberi sumbangan harta dan tenaga, kita mesti menghulurkan doa supaya saudara Islam di sana sentiasa dilindungi dan diberi kekuatan. Kita berdoa kepada Allah SWT semoga seluruh umat Islam dapat bersatu menghadapi serangan Israel di bumi Gaza.

Apabila kita menjadi umat Islam yang baik, akan datang pertolongan dan Allah SWT akan menerima doa kita. Semoga Gaza akan terus bertahan dan umat Islam bersatu bagi membebaskan cengkaman Zionis di bumi Palestin.